



**KENYATAAN / SIARAN AKHBAR**  
Untuk maklumat lanjut sila hubungi:  
**Bahagian Komunikasi Korporat**  
**Perbadanan Putrajaya**  
**Tel: 03-8887 7347 Faks: 03-8881 1008**

**PEMENANG-PEMENANG PERTANDINGAN FOTOGRAFI  
PELANCONGAN PUTRAJAYA 2022 BAWA PULANG HADIAH  
TERKUMPUL BERNILAI RM 20,000**

**PUTRAJAYA, 08 November 2022** – YBhg. Dato' TPr. Fadlun Bin Mak Ujud, Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj) menyempurnakan acara penyampaian hadiah Pertandingan Fotografi Pelancongan Putrajaya (PFPF) 2022 bertempat di Dewan Seri Siantan, Kompleks Perbadanan Putrajaya, Presint 3.

Pertandingan yang telah memasuki kali kelima penganjurannya ini bertujuan mempromosikan pelancongan Putrajaya menggunakan medium fotografi sebagai destinasi pelancongan yang patut diterokai di Malaysia. Secara tidak langsung, keindahan, rekabentuk senibina yang unik dan keistimewaan tempat-tempat menarik serta kawasan tarikan utama di Putrajaya dapat dipromosikan melalui hasil seni fotografi peserta yang bertanding.

Pertandingan Fotografi Pelancongan Putrajaya yang dianjurkan pada tahun ini telah bermula dari 15 Februari sehingga 30 Jun 2022. Pertandingan pada kali ini memaparkan dua kategori baharu iaitu Produk-Produk Baharu Pelancongan Putrajaya (Glamping, Tangga Putrajaya, Sandy Beach) dan Tarikan Alam Semula Jadi dan Senibina Di Putrajaya (Bangunan, Jambatan, Monumen, Dataran dan termasuk Pencerhayaan Malam).

Pada tahun ini, PPj telah menerima sebanyak 1,118 gambar penyertaan. Johan pertandingan bagi setiap kategori akan membawa pulang wang tunai bernilai RM4,000. Manakala bagi Naib Johan membawa pulang wang tunai RM2,000, tempat ketiga membawa pulang wang tunai RM1,000 dan lima pemenang sagu hati pula membawa pulang RM200 setiap seorang. Jumlah hadiah keseluruhan adalah sebanyak RM 20,000 termasuk hadiah iringan.

Selain promosi pelancongan menerusi pertandingan fotografi pelancongan, PPj juga giat mempromosi produk-produk pelancongan dalam memantapkan semula sektor pelancongan Putrajaya di pelbagai saluran media termasuk digital serta penyertaan Putrajaya dalam pameran pelancongan domestik dan antarabangsa.

Sehingga Oktober 2022, pengunjung ke tempat tarikan pelancongan termasuk taman-taman awam dan hotel-hotel di Putrajaya telah berjaya mencatatkan kunjungan 2 juta orang pelawat serta pengunjung.



**(TPE. NORZITA BINTI ABDUL RAZAK)**

**Pengarah**

**Bahagian Komunikasi Korporat**

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 8 November 2022

---

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut mengenai Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Fotografi Pelancongan Putrajaya 2019, sila hubungi Pegawai Media, En. Fairus Bin Mohd Padzil di talian 03-8887 7347 atau 019-3354346.

**SENARAI PEMENANG PERTANDINGAN FOTOGRAFI PELANCONGAN  
PUTRAJAYA 2022**

---

Kategori Produk-Produk Baharu Pelancongan Putrajaya (Glamping, Tangga Putrajaya, Sandy Beach) & Tarikan Alam Semula Jadi.

<b>BIL</b>	<b>TEMPAT</b>	<b>NAMA PEMENANG</b>	<b>HADIAH (RM)</b>
1.	Johan	Tan Ee Long	4,000.00
2.	Naib Johan	Mohd Khalis Azizi Bin Wan Ibrahim	2,000.00
3.	Ketiga	Muhammad Hakim Bin Samsudin	1,000.00
4.	Saguhati	Lin Joe Yin	200.00
5.	Saguhati	Leong Chee Wai	200.00
6.	Saguhati	Lew Kim Seong	200.00
7.	Saguhati	Chen Chit Chuang	200.00
8.	Saguhati	Muhammad Khairi Hafizi Bin Wan Ibrahim	200.00

Kategori Senibina Di Putrajaya (Bangunan, Jambatan, Monumen, Dataran & Termasuk Pencahayaan Malam):

<b>BIL</b>	<b>TEMPAT</b>	<b>NAMA PEMENANG</b>	<b>HADIAH (RM)</b>
1.	Johan	Abdul Hafiz Bin Ab Hamid	4,000.00
2.	Naib Johan	Zon Hisham Bin Zainal Abidin	2,000.00
3.	Ketiga	Cheong Hoong Fei	1,000.00
4.	Saguhati	Hazize Bin San	200.00
5.	Saguhati	Yusuf Bin Madi	200.00
6.	Saguhati	Zaidie Bin Abdul Aziz	200.00
7.	Saguhati	Lin Kuw Ming	200.00
8.	Saguhati	Lee Siak Beng	200.00